



Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

“ BARAH RASUAH ”

24 Disember 2021 / 19 Jamadil Awal 1443

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

﴿وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ وَتُدْلُوا بِهَا إِلَى الْحُكَّامِ لِتَأْكُلُوا فَرِيقًا
مِّنْ أَمْوَالِ النَّاسِ بِالْإِثْمِ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ﴾

(Surah al-Baqarah: 188)²

Maksudnya: Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian daripada harta manusia dengan (berbuat) dosa padahal kamu mengetahui (salahnya).

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ
صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ³ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ
أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ⁴ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan kepada Allah SWT, iaitu dengan melakukan segala suruhan Nya dan meninggalkan segala larangan Nya; mudah-mudahan kehidupan kita diberkati oleh Allah SWT di dunia dan di akhirat. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk: “BARAH RASUAH”

Sidang Jumaat yang dimuliakan,

Rasuah bermaksud menerima atau memberi suapan dalam bentuk wang, hadiah, bonus, undi, perkhidmatan, jawatan atau diskaun sebagai dorongan kepada seseorang untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan berkaitan dengan tugas yang diamanahkan. Melakukan rasuah ialah satu jenayah, satu perbuatan dosa yang wajib dijauhi. Jenayah rasuah tidak sekadar menghakiskan nilai moral, maruah diri, dan etika kerja malah

¹ Memuji Allah SWT

² Ayat al-Quran

³ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁴ Pesan Taqwa



boleh merosakkan pentadbiran, memusnahkan bangsa dan meruntuhkan negara.

Sangat membimbangkan, jenayah rasuah yang berlaku di negara ini dilaporkan semakin meningkat. Berdasarkan data Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM), sebanyak 833 tangkapan telah dilakukan antara Januari sehingga November tahun 2021. Dipercayai, secara hakikatnya, jenayah rasuah berlaku lebih tinggi daripada angka tangkapan tersebut. Pelaku rasuah terdiri daripada petugas-petugas sektor awam dan sektor swasta, termasuk dalam kalangan pengurusan tertinggi dan profesional, serta pemimpin politik. Jenayah rasuah merupakan barah yang sedang membiak kerana terdapat pihak-pihak yang telah dipengaruhi sikap haloba hingga bersedia menggadaikan maruah dan harga diri untuk mendapat keuntungan peribadi bersifat sementara.

Hadirin yang dimuliakan,

Pelbagai undang-undang digubal, pelbagai peringatan diulangi, pelbagai langkah pencegahan dan tangkapan dilakukan, namun masih terdapat orang-orang yang luntur ketahanan diri dan iman ketika disogok, manakala mereka yang terdesak mahukan sesuatu, sanggup menyogok pihak tertentu dengan memberi rasuah. Islam menegah perbuatan rasuah sama ada perbuatan menerima begitu juga memberi, termasuk yang bersubahat; sabda Nabi SAW melalui Sayidina Abdullah bin 'Amru *Radiallahu 'Anhuma*:

الرَّاشِي وَالْمُرْتَشِي فِي النَّارِ

Maksudnya: Pemberi rasuah dan penerima rasuah akan masuk ke dalam neraka.

(Riwayat Abu Daud 2943)

Barah rasuah yang sedang menular wajib segera diubati. Ayat 188 Surah al-Baqarah yang dipetik pada awal khutbah, diakhiri dengan perkataan وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ yang bermaksud **(padahal kamu mengetahui salahnya)**, menunjukkan Allah SWT secara langsung memberikan peringatan bahawa orang-orang yang memberi rasuah dan memakan harta dengan cara yang salah, sebenarnya sedia mengetahui perbuatan mereka adalah salah. Persoalan yang perlu dilontarkan ialah, walaupun manusia sedar perbuatan rasuah atau mengambil sebahagian daripada harta manusia itu berdosa, kenapa masih ada yang tergamak melakukan perbuatan keji tersebut. Oleh itu manusia wajiblah sedar dan disedarkan, tanpa iman yang kukuh, akal yang sihat, moral yang padu dan prinsip yang jitu, manusia mudah tergoda dengan umpan rasuah. Umat Islam hendaklah dididik dan diasuh untuk memiliki daya tahan dan kekuatan dalaman, tidak mudah terjerumus dalam kancah rasuah.



Kajian beberapa orang penyelidik Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) mengenai rasuah, merumuskan, Etika Kerja Islam (EKI) merupakan faktor dalaman yang berupaya membentuk nilai-nilai kerohanian untuk menyemai sikap bertanggungjawab, amanah dan berdedikasi. Walaupun kehendak dan nafsu manusia tiada batasan, akan tetapi melalui ketakwaan, seseorang itu akan memiliki daya tahan yang tinggi untuk menolak rasuah kerana insaf akan tingkah laku mereka diperhatikan oleh Allah SWT.

Antara nilai Etika Kerja Islam (EKI) yang boleh diamalkan dan dijadikan pedoman ialah:

PERTAMA: Takwa (تَقْوَى) - Niat bekerja untuk mendapatkan keredhaan Allah SWT dan kesedaran terhadap adanya balasan pahala dan dosa serta ganjaran dunia akhirat.

KEDUA: Ihsan (إِحْسَانٌ) - Sikap rendah diri dan tidak tamak serta merasakan bahawa kerjanya dinilai Allah SWT.

KETIGA: Amal soleh (عَمَلٌ صَالِحٌ) - Membudayakan amalan murni seperti memperbanyakkan membaca al-Quran, serta mendalami dan menghayati ilmu agama untuk meningkatkan keperibadian mulia.

KEEMPAT: al-Birru (الْبِرُّ) - Hubungan yang baik semasa bekerja melalui rundingan dengan berhikmah.

KELIMA: al-Qistu (الْقِسْطُ) - Keadilan sebagai prinsip menjadikan tidak mudah menerima sebarang upah yang bukan milik sendiri.

KEENAM: Mas'uliyah (مَسْئُولِيَّةٌ) - Jawatan dan tanggungjawab bukan kemuliaan bahkan ialah amanah Allah yang perlu digalas sebaik mungkin.

KETUJUH: Ma'ruf (مَعْرُوفٌ) - Berbudi bahasa dan berbudi pekerti mulia dalam setiap pekerjaan.

KELAPAN: Itqan (إِتْقَانٌ) - Mematuhi segala tuntutan agama dengan baik dan tidak melanggar peraturan yang telah ditetapkan oleh organisasi.

Demikian usaha-usaha membina kekuatan dalaman yang wajib diperkukuhkan agar mendorong manusia menjauhi rasuah dan menghindari kemungkaran. Pada masa yang sama, dari sudut pentadbiran dan perundangan, pihak kerajaan dan agensi-agensi berkaitan hendaklah membuktikan kesungguhan memerangi dan menghapuskan rasuah, bermula dengan para pemimpin menunjukkan contoh teladan yang baik, para penguat kuasa melaksanakan tugas tanpa pilih kasih, serta para hakim dan mahkamah melakukan pengadilan berdasarkan hukum dan bukti tanpa gentar.



Sidang Jumaat yang dikasihi,

Mengakhiri khutbah, khatib merumuskan beberapa perkara yang perlu diberi perhatian:

PERTAMA: Rasuah ialah jenayah yang boleh menghancurkan bangsa dan meruntuhkan negara.

KEDUA: Bersifat amanah serta berbudaya telus dan berintegriti dalam pekerjaan.

KETIGA: Amalkan nilai-nilai Etika Kerja Islam (EKI) sebagai dinding menghindari maksiat dan kemungkaran.

KEEMPAT: Jauhi rasuah dan jangan sesekali mula mengambil atau memberi atau bersubahat walaupun dengan jumlah yang sedikit, kerana bara yang besar bermula dengan puntung yang kecil.

KELIMA: Mengamanahkan kepimpinan dan tanggungjawab kepada orang-orang yang ikhlas, jujur dan amanah.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁵ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ⁷ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar kita tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabi'in, hingga ke hari ini. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkanlah rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutamanya solat fardu berjemaah.

⁵ Memuji Allah

⁶ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁷ Pesan Taqwa

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁸
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ⁹ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلِّفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ
وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.
اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْمَحَنَ وَالْفِتْنَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ عَنَّا بَلَدِنَا هَذَا
خَاصَّةً وَعَنْ سَائِرِ بُلْدَانٍ عَامَّةً.

Ya Allah, kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati, jauhilah kami daripada perbuatan rasuah dan salah guna kuasa, kerana perbuatan tersebut merupakan pengkhianatan kepada amanah yang diberikan.

Ya Allah, berkatilah hamba-hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat dan menghulurkan wakaf, kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka. Jauhkanlah golongan fuqara dan masakin daripada kekufuran serta dihindari mereka daripada kefakiran yang berpanjangan.

Ya Allah, berilah kami kebaikan serta keberkatan di dunia dan di akhirat; jauhilah kami dari seksa azab api neraka.

Ya Allah, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu ke atas Raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ
فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ ﴿فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.﴾

⁸ Ayat Al-Quran

⁹ Doa untuk kaum muslimin

TEKS PENGUMUMAN SEBELUM KHUTBAH JUMAAT 24.12.2021

SUMBANGAN KHAS BENCANA BANJIR

Assalamualaikum WBT.

Para jemaah yang dirahmati Allah SWT,

Pada hari ini, Jabatan Agama Islam Perak bersama masjid-masjid seluruh Negeri Perak akan mengadakan kutipan sumbangan kepada mangsa bencana banjir seluruh Negara melalui Tabung Bencana Dan Kemanusiaan Masjid Negeri Perak. Sehubungan itu, tabung khas yang diletak dan diedarkan pada hari ini akan disumbangkan ke dalam Tabung Bencana Dan Kemanusiaan tersebut. Semoga dengan sumbangan para jemaah pada hari ini akan dapat membantu meringankan bebanan mangsa banjir di seluruh Negara serta mendapat ganjaran yang besar daripada Allah SWT. Sumbangan ini akan disalurkan ke dalam **Tabung Bencana Dan Kemanusiaan Masjid Negeri Perak** melalui nombor akaun Bank Islam:

080-1301-009-1983

Sekian, Wassalamualaikum WBT.